

EPU tentu kadar tol: Samy Vellu

RH-6/4/2007

MENTERI Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau akan membuat pendekatan baru apabila berdepan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dengan 'melawan' sebarang keputusan agensi itu mengenai kenaikan kadar tol.

"Saya sudah ambil pemikiran baru iaitu mana-mana cadangan EPU saya lawan," katanya dengan nada sinis apabila kementeriannya dipersalahkan setiap kali pengumuman kenai-

kan kadar tol dibuat.

Samy Vellu berkata, kementerian tidak menetapkan kadar tol atau dimaklumkan mengenai kadar tol ditetapkan bagi setiap lebuhraya kerana semua urusan itu dilaksanakan EPU.

"Menteri Kerjaraya umumkan swastaan (konsesi lebuhraya)...menteri tetapkan kadar tol paling tinggi...Menteri Kerjaraya bodoh, tak ada hati, ini, itu...semua menteri sajalah salah itu, salah ini," katanya menjawab soalan Tan Lian Hoe (BN-Bukit

Gantang) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, bagi mengatasi keadaan itu, kementerian sedang menyediakan kertas kerja untuk mendapatkan penjelasan EPU bagaimana pengiraan kenaikan tol dibuat.

Katanya, beliau memutuskan tidak akan mengumumkan kenaikan kadar tol baru selagi tidak mendapat penjelasan EPU.

Samy Vellu turut membidas Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur) yang banguh bertanya sama ada kement-

erian 'diperalatkan' EPU dan kenapa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang secara langsung mengawal EPU tidak datang ke Parlimen membuat penjelasan.

Beliau berkata, setiap anggota Kabinet, khususnya Perdana Menteri mempunyai tugas yang berat menadbir negara, jadual harian padat dan tidak mempunyai masa banyak untuk melayan tuduhan tidak berasas yang dibuat pembangkang di Parlimen.